



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 3 OKTOBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	LANDING TREND OF SEA TURTLES IN MALAYSIA SPARKS CONCERN, LOCAL NEWS, NST -13	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	BEKALAN BENIH PADI SUKAR DIPEROLEH, NASIONAL, BH -27	LAIN-LAIN

**UKKMAFI**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

Headline	Landing trend of sea turtles in Malaysia sparks concern		
MediaTitle	New Straits Times		
Date	03 Oct 2020	Color	Full Color
Section	Local News	Circulation	36,278
Page No	13	Readership	108,834
Language	English	ArticleSize	64 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,206
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,618



## Landing trend of sea turtles in Malaysia sparks concern

**ALOR GAJAH:** The landing trend of the leatherback sea turtles and olive ridley sea turtles in Malaysia is worrying as they are increasingly threatened by human and natural elements, said Rantau Abang Fisheries Research Institute director Sharum Yusof. He said the last time leatherback sea turtle nests were found was in 2017, but more worryingly was that the turtles found at the two nesting sites did not lay any eggs. He said this during a programme to show appreciation to government departments, private companies and non-governmental organisations at the Pantai Kemuning Turtle Conservation and Information Centre in Pengkalan Balak, which was attended by Melaka Fisheries Department director Mohd Fauzi Salehon here. **Bernama**



Ahli PESAWAH menyerahkan memorandum kepada Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan, Putrajaya, semalam. (Foto Samadi Ahmad/BH)

# Bekalan benih padi sukar diperolehi

Pesawah tiga negeri tak dapat mulakan musim tanaman ikut jadual

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Lebih 100,000 pesawah di tiga negeri di utara tanah air tidak dapat memulakan musim penanaman padi, dipercayai disebabkan kelewatan dan dieksploitasi daripada pembekal benih padi.

EXCO Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PESAWAH), Abdul Rashid Yob, 41, berkata jadual menanam tanaman makanan ruji itu di Perlis, Kedah dan Perak yang sepatutnya bermula awal September dan bulan ini tidak boleh dilakukan berikutan benih tidak dapat dibe-

kalkan serta sukar diperolehi di pasaran.

Beliau berkata, semua pesawah di ketiga-tiga negeri terbabit sentiasa mengikut jadual dan berpandukan bekalan air yang disalurkan daripada pusat tadahan sehingga menyebabkan kerugian akibat tanaman tidak dapat dilakukan mengikut jadual ditetapkan.

"Masalah ini bukan perkara baru, malah sudah berpanjangan sejak 10 tahun lalu dan perkara ini juga sudah dua kali diadakan ke Kementerian Pertanian dan Industri Makanan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan memorandum daripada wakil PESAWAH di pejabat kementerian di sini, semalam.

Memorandum yang diserahkan itu antara lain mahu sistem kuota pengeluaran benih kepada syarikat tertentu diamalkan ketika ini dihapuskan dengan membuka lesen kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) serta syarikat lain.

Selain itu, kerajaan juga diminta memperkenalkan harga siling bagi benih padi supaya tidak berlaku penyelewengan menyebabkan beban kepada golongan petani.

Abdul Rashid mendakwa, PESAWAH melihat berlaku penyelewengan apabila pihak yang dilantik membekalkan benih padi menaikkan harga tidak munasabah sehingga RM60, sedangkan harga subsidi di kilang hanya RM28.

"Benih padi yang dibekalkan dari jenis MR219 juga tidak mematuhi arahan dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian kerana mudah diserang penyakit karah daun tangkai dan kulat, sekali gus menyebabkan pesawah terpaksa menanggung kerugian.

"Susulan itu, golongan pesawah berasa kecewa dan tidak mahu perkara ini berpanjangan disebabkan berlakunya penyelewengan ke atas bekalan benih padi, selain benih yang tidak berkualiti," katanya.